



PEMBERITAHUAN

KERTAS SIASATAN AWAM MENGENAI KAJIAN SEMULA SENARAI CAPAIAN DAN KAJIAN SEMULA STANDARD MANDATORI CAPAIAN

CYBERJAYA, 3 April 2026 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("MCMC") sedang menjalankan dua (2) Siasatan Awam mulai **3 April 2026 sehingga 19 Mei 2026**. Siasatan Awam mengenai Kajian Semula Senarai Capaian dan Siasatan Awam mengenai Kajian Semula Standard Mandatori Capaian ini dijalankan menurut seksyen-seksyen 55(2), 55(4) dan 61 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kedua-dua Kertas Siasatan Awam ini mengandungi pandangan awal MCMC mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang akan dimasukkan, dikeluarkan atau dipinda, serta terma dan syarat selain daripada harga untuk kemudahan dan perkhidmatan yang disenaraikan dalam Senarai Capaian.

Pihak MCMC mempelawa orang ramai untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan ulasan bertulis mengenai soalan-soalan khusus, pandangan awal MCMC, rasional dan analisis yang digunakan dalam kedua-dua Kertas Siasatan Awam. Pihak yang mengemukakan ulasan adalah digalakkan untuk menyokong ulasan masing-masing dengan hujah dan yang mana berkenaan, ianya hendaklah disertakan dengan rujukan kepada bukti atau maklumat lain yang berkaitan.

Semua ulasan bertulis hendaklah dihantar secara bertulis dan elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah selewat-lewatnya pada **12:00 tengah hari, 19 Mei 2026 (Selasa)**.

Kedua-dua Kertas Siasatan Awam ini boleh dilayari di laman sesawang MCMC: <https://www.mcmc.gov.my/en/resources/reports/information-paper>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCMC HQ Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor
(u.p.: Jabatan Capaian, Bahagian Kawalselia Pasaran)

Tel.: +603 8688 8000

Faks.: +603 8688 1000

E-mel: access.dept@mcmc.gov.my

www.mcmc.gov.my